

**PENGEKALAN DAN PENGHILANGAN BAHASA TAMIL DI MALAYSIA
AKIBAT DASAR BAHASA KEBANGSAAN**

**RAJENDRAN A.L. SUBRAMANIAM
NO.PEND. 00709-2002**

**TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
TANJONG MALIM**

MEI 2006

PENGAKUAN

Bahwasanya saya mengaku sesungguhnya tesis ini ialah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, petikan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya catatkan sumbernya.

3 Mei 2006

RAJENDRAN A.L. SUBRAMANIAM
No.pend. 00709-2002

ABSTRAK

PENGEKALAN DAN PENGHILANGAN BAHASA TAMIL DI MALAYSIA AKIBAT DASAR BAHASA KEBANGSAAN

Kajian ini bertujuan meninjau sejauh mana Dasar Bahasa Kebangsaan berperanan dalam menghilangkan dan mengekalkan bahasa minoriti terutamanya bahasa Tamil di negara kita. Tumpuan kajian adalah terhadap mata pelajaran bahasa Tamil yang difokuskan kepada meninjau keadaan dan sumbangan pihak-pihak tertentu dalam mengekalkan bahasa Tamil di negara ini. Kajian ini bersifat deskriptif yang dijalankan dengan kaedah tinjauan dan pemerhatian. Maklumat dikumpul berdasarkan pemerhatian, kajian buku-buku dan hasil temu bual pengkaji dengan pihak-pihak yang berkaitan. Bagi meneliti perkara ini secara lebih komprehensif, pengkaji cuba menghalusi setiap cadangan yang dikemukakan dalam setiap laporan Dasar Bahasa kebangsaan bermula daripada Laporan Barnes (1950), Laporan Fenn-Wu (1951), Penyata Razak (1956) dan Penyata Rahman Talib (1960). Setiap masalah dan halangan terhadap bahasa Tamil dalam sistem pendidikan diteliti secara terperinci. Sebarang bantahan atau sokongan terhadap cadangan-cadangan yang dibentangkan dianalisis secara bernas dan rasional. Pengkaji juga meninjau perjuangan, sumbangan dan peranan tokoh pemimpin MIC (Malaysian Indian Congres), badan-badan bukan kerajaan (NGO), Jabatan Pengajian India di Universiti Malaya dan maktab-maktab perguruan dalam mengekalkan bahasa Tamil di negara ini. Akhirnya, pengkaji merungkai beberapa masalah dari segi pelaksanaan semua cadangan yang diperakukan dengan mengemukakan cadangan-cadangan baru bagi memastikan bahasa Tamil terus kekal dalam sistem pendidikan kebangsaan kita.

ABSTRACT

THE CONTINUANCE OR THE DEMISE OF THE TAMIL LANGUAGE AS A RESULT OF THE NATIONAL LANGUAGE POLICY

This research has been undertaken to ascertain the extent of the effects in making Malay language as the national language. The effects concern the continued flourishing or the eventual demise of the minor languages especially the Tamil language in Malaysia. The focus of this study is to trace the situations and the contributions of various parties in strengthening the continued use of the Tamil language. The study undertaken is descriptive in nature and it employs observation and reflection to reach a final conclusion. Information will therefore be gathered through observation, study of relevant literature on the subject and through personal interviews with relevant authorities in the field. To achieve comprehensiveness, the researcher will attempt to penetrate and understand each and every recommendation contained in the National Language Policy which includes The Barnes Report (1950), Fenn-Wu Report (1951), Razak Report (1956) and Rahman Talib Report (1960). The above will be done in detail. This investigation will also look into all problems encountered by the Tamil language. Any objection or support in connection with the recommendations will also be thoroughly analysed in a rational manner. The researcher will also investigate the contributions and role of the various M.I.C. (Malaysian Indian Congress) leaders, NGO's, The Indian Studies Department of University Malaya and the various Teachers Training Colleges in the fight to continue with the usage of the Tamil language in this country. Lastly, the researcher will also reflect on some of the problems faced in the implementation of all past recommendations, by advocating new recommendations. This is to ensure that the Tamil language will continue to thrive and develop even further through the Malaysian Education System in the future.

KANDUNGAN

Bab 1

1.1	Pengenalan	1
	1.1.1 Kaum India	5
1.2	Sistem Sekolah Rendah Bahasa Tamil	10
1.3	Tujuan Kajian	14
1.4	Kepentingan Kajian	15
1.5	Batasan Kajian	16
	1.5.1 Dasar Bahasa Kebangsaan	16
	1.5.2 Populasi Kajian	16
	1.5.3 Tumpuan Kajian	17
	1.5.4 Alat Kajian	17

Bab 2

2.0	Literatur Kajian	18
-----	------------------	----

Bab 3

3.0	Reaksi Terhadap Dasar-dasar Bahasa Kebangsaan	22
3.1	Penyata Barnes	22
3.2	Penyata Fenn-Wu	24
3.3	Penyata Razak	26
	3.3.1 Pelaksanaan bahasa Melayu di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil	27
3.4	Penyata Rahman Talib	27

Bab 4

4.0	Hasil Penemuan	30
4.1	Pendidikan Tamil dan Perjuangan Tokoh Pemimpin MIC	30
4.2	Peranan dan Sumbangan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO)	32
4.3	Sumbangan Jabatan Pengajian India di Universiti Malaya	34
4.4	Sumbangan Maktab-maktab Perguruan	35
4.5	Penggunaan Bahasa Tamil	36
	4.5.1 Bidang Sosial	36
	4.5.2 Bidang Ekonomi	37
	4.5.3 Bidang Politik	38

4.6	Pemerhatian Terhadap Tiga Jenis Keluarga	38
4.6.1	Status Rendah Dari Segi Sosio-ekonomi	38
4.6.2	Status Sederhana Dari Segi Sosio-ekonomi	39
4.6.3	Status Sederhasna Atas Dari Segi Sosio-ekonomi	40
Bab 5		
5.0	Kesimpulan dan Cadangan	44
5.1	Cadangan Memantapkan Bahasa Tamil di Malaysia	44
5.1.1	Bidang Pendidikan	44
5.1.2	Bidang Media Massa	45
5.1.3	Bidang Sosial	46
5.1.4	Bidang Perniagaan	46
Senarai Rujukan		47

SENARAI JADUAL

No.Jadual	Nama Jadual	Halaman
1	Perkembangan penduduk Malaysia sejak tahun 1835 hingga tahun 1974	2
2	Penduduk Persekutuan Tanah Melayu (Malaysia) 1901 – 1987	3
3	Komposisi Buruh India Yang Datang Ke Tanah Melayu Mengikut Bahasa 1844 – 1941	7
4	Penduduk India di Semenanjung Malaysia 1985 dan 1996	8
5	Jumlah murid di Sekolah Rendah	11
6	Bilangan Sekolah Rendah Tamil Mengikut Negeri di Malaysia, Perangkaan Malaysia 1998	12
7	Bantuan Kewangan Bagi Satu Kepala	25

Bab 1

1.0 Pengenalan

Persekutuan Tanah Melayu dijajah oleh kuasa Inggeris selama lebih seratus tahun.

Dalam tempoh tersebut, masyarakatnya yang pada mulanya terdiri daripada kaum Melayu menjadi sebuah masyarakat majmuk. Pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20, Inggeris membawa masuk orang Cina dan India dengan banyaknya bagi memenuhi keperluan buruh dalam sektor perlombongan bijih timah dan perladangan getah. Akibatnya masyarakat Malaysia khususnya di Semananjung Malaysia, menjadi sebuah masyarakat majmuk yang berbilang bahasa, budaya dan agama.

Masyarakat majmuk berkembang di Malaysia kerana besar sekali jumlah orang-orang asing yang datang ke negeri-negeri Melayu. Jumlah pendatang jauh lebih besar pada akhir abad ke-19. Pada tahun 1835, penduduk Tanah Melayu berjumlah kira-kira 376 000 orang. Daripada jumlah tersebut, 85.9 peratus terdiri daripada orang Melayu, 7.7 peratus orang-orang Cina, 6.4 peratus orang-orang lain. Kemudian pada tahun 1884, setelah Inggeris memerintah negeri-negeri Melayu, jumlah penduduk bertambah menjadi kira-kira 1,401,000 orang. Daripada jumlah itu, penduduk Melayu mengecil menjadi 63.9

peratus. Penduduk Cina bertambah menjadi 29.4 peratus, dan penduduk keturunan lain 6.7 peratus.

Peratus penduduk Melayu terus merosot hingga menjadi hanya 49.2 peratus pada tahun 1931. Sebaliknya pada tahun 1947 dan seterusnya, peratusnya naik kembali. Hal ini disebabkan oleh kelahiran yang bertambah. Selain itu, kedatangan orang-orang asing mula tersekat pada tahun 1931. Hal ini disebabkan oleh terbentuknya jabatan imigrasi pada tahun 1930. Setelah tamat Perang Dunia Kedua, peratus orang-orang Cina menurun, kerana banyak yang pergi ke Singapura dan ke negeri-negeri lain. Peratus orang-orang India menurun juga setelah diadakan sekatan imigrasi di antara tahun 1938 hingga tahun 1941. Setelah tamat Perang Dunia Kedua peratusnya naik kembali menjadi 11 peratus, kerana ada pendatang-pendatang baru dari India. Dengan menurunnya peratus orang-orang pendatang, maka jumlah penduduk Melayu meningkat daripada 49.2 peratus pada tahun 1931 menjadi 53 peratus pada tahun 1974.

Jadual 1: Perkembangan penduduk Malaysia sejak tahun 1835 hingga tahun 1974

Tahun	Melayu	Cina	Lain-lain	Jumlah Penduduk
1835	85.9	7.7	6.4	376 000
1884	63.9	29.4	6.7	1 401 000
1721	54.0	29.4	16.6	2 906 000
1931	49.2	33.9	16.9	3 787 000
1947	49.5	38.4	12.1	4 908 000

1957	49.8	37.2	13.0	6 279 000
1967/8	50.6	35.7	13.7	7 892 000
1974	53.0	35.0	12.0	11 149 768

Jadual 2: Penduduk Persekutuan Tanah Melayu (Malaysia) 1901 - 1987

Tahun	Melayu	Cina	India	Jumlah
1881	170,092 (55)	104,615 (34)	33,390 (11)	308,097
1891	444,624 (49)	391,418 (43)	74,081 (9)	910,123
1901	528,263 (43)	583,396 (48)	115,536 (9)	1,227,195
1911	1,463,187 (55)	914,143 (35)	267,159 (10)	2,644,489
1921	1,623,014 (48)	1,171,740 (35)	471,536 (17)	3,338,545
1931	1,894,014 (44)	1,704,452 (39)	621,847 (14)	4,347,704
1941	2,350,234 (42)	2,418,615 (44)	776,324 (14)	5,545,173
1947	2,543,569 (44)	2,614,667 (45)	599,616 (11)	5,848,910
1970	5,795,000 (56)	3,455,000 (33)	933,000 (9)	10,434,034
1980	7,503,777 (56)	4,438,505 (33)	1,158,680 (9)	13,435,588
1988	9,762,840(57)	5,380,560 (31)	1,670,800 (9)	16,920,000

Sumber: Malaysian Year Book of Statistics 1901 – 1987

Apabila Persekutuan Tanah Melayu merdeka pada tahun 1957, diadakan sebuah persefahaman antara pemimpin ketiga-tiga kaum supaya buruh yang terdiri daripada pendatang Cina dan India ini diberi kerakyatan. Pada tahun 1957, satu persefahaman lain dibuat, bahawa dari 31 Ogos 1957 hingga 31 Ogos 1958, kaum bukan Melayu yang mempunyai kelayakan pemastautin dan lain-lain, tetapi tidak mengetahui bahasa kebangsaan, iaitu bahasa Melayu dibolehkan mendapatkan hak kerakyatan Persekutuan Tanah Melayu. Dalam masa satu tahun, lebih daripada 800,000 orang bukan Melayu menjadi warganegara.

Bagi memudahkan masyarakat berbilang kaum ini berinteraksi dan berkomunikasi, maka harus ada satu bahasa yang diketahui umum digunakan untuk tujuan itu. Bahasa Melayu dikenal pasti dapat memenuhi fungsi ini kerana di samping ia menjadi bahasa penduduk asal wilayah ini, masyarakat berbilang kaum di Malaysia telah lama menggunakan bahasa tersebut untuk berinteraksi dan berkomunikasi.

Perkara 152, para (ii), Perlembagaan Malaysia mengatakan bahawa "... bahasa kebangsaan adalah bahasa Melayu dan ditulis dalam bentuk tulisan yang ditentukan oleh parlimen." Perakuan ini mengorak langkah baru bagi memartabatkan penggunaan bahasa Melayu. Namun demikian, tiada sesiapa pun boleh dilarang atau ditahan daripada menggunakan (selain daripada maksud-maksud rasmi) atau daripada mengajar atau belajar apa-apa bahasa lain. Maksud "rasmi" ditafsirkan sebagai apa-apa jua maksud Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan termasuklah apa-apa maksud sesuatu pihak berkuasa awam (merangkumi badan berkanun dan kerajaan tempatan) (Mohamad Suffian bin Hashim 1984).

Ini membuktikan bahawa dari segi Perlembagaan Malaysia bahasa kaum-kaum minoriti bahasa Cina dan bahasa Tamil tidak diabaikan sepenuhnya. Bahasa Cina dan bahasa Tamil yang dianggap bahasa kaum minoriti masih mendapat tempat dalam sistem sekolah vernakular di Malaysia.

Masyarakat majmuk di Malaysia yang mempunyai berbilang bahasa, kebudayaan dan agama mencetuskan sekolah pelbagai aliran dalam sistem pendidikan. Tiga faktor utama yang menyebabkan kewujudan dan perkembangan sistem sekolah pelbagai aliran (vernakular) antara tahun 1786 hingga 1942 ialah: Pertama, masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum. Kedua, usaha-usaha badan sukarelawan, golongan mualigh Kristian dalam pendidikan Inggeris terutama kepada murid perempuan, dan usaha komuniti dalam pendidikan Cina. Ketiga, kelemahan sistem pendidikan yang tidak dapat menentukan matlamat dan objektif pendidikan.

Pendidikan dalam sistem vernakular adalah percuma untuk semua kaum dalam bahasa ibunda masing-masing di peringkat sekolah rendah sebelum menggunakan bahasa Inggeris. Pendirian ini memberi laluan bagi memperkenalkan sekolah vernakular Cina dan Tamil.

1.1.1 Kaum India

Sebahagian besar orang-orang India di Malaysia berasal dari India Selatan. Keperluan tenaga buruh dalam sektor pembinaan jalan raya dan landasan kereta api, sektor perladangan getah dan tebu, dan sektor perkhidmatan awam kerajaan mendorong pihak Inggeris membawa masuk orang India ke Tanah Melayu. Buruh India murah dan dalam jumlah yang banyak. Ketika mula-mula datang dahulu, kaum India hampir semuanya

bekerja sebagai buruh di ladang-ladang getah. Sekarang kaum India terdapat dalam segala bidang pekerjaan di Malaysia.

Kedatangan orang India ke Tanah Melayu memuncak pada awal kurun ke-20. Setakat itu, yang datang ke negara ini biasanya terdiri daripada kaum pedagang. Pada tahun 1820-an, setelah ditandatangani Perjanjian Inggeris-Belanda (1824) dan Inggeris berundur dari Sumatera, Akibatnya, ramai juga banduan bangsa India yang telah dipindahkan ke Negeri-negeri Selat dari Bengkulin. Mereka digunakan bagi membina bangunan dan jalan. Mulai tahun 1840-an, ladang-ladang tebu dibuka di Seberang Prai dan buruh India mulia diimport. Bilangannya bertambah lagi dalam tahun 1880-an kerana pembukaan ladang-ladang kopi di Semenanjung Tanah Melayu. Peringkat yang paling penting dalam sejarah penghijrahan orang India ke Tanah Melayu berlaku selepas tahun 1910 – 1921. Bilangan yang sampai tidak kurang daripada 100,000 orang setahun. Kebanyakan mereka menetap di Perak, Selangor, Kedah, Johor, dan Negeri Sembilan iaitu negeri-negeri tempat penanaman getah diusahakan secara besar-besaran.

Walaupun sebilangan orang India di negara ini bekerja sebagai buruh (bukan hanya di ladang-ladang tetapi juga dalam Perkhidatan Kereta Api, Jabatan Kerja Raya dan Majlis Perbandaran) ada juga mereka yang memainkan peranan penting dalam bidang-bidang lain. Yang paling berpengaruh, antara mereka ini ialah golongan pedagang. Dalam tahun 1980-an dan 1930-an, orang India telah juga memenuhi bidang ikhtisas terutamanya sebagai peguam dan doktor.

Buruh India ini dibawa masuk dengan galakan kerajaan Inggeris melalui dua sistem yang agak unik. Pertama, Sistem Kontrak yang diperkenalkan pada tahun 1820 dan

diteruskan hingga tahun 1910. Seorang ejen pengambilan buruh India (di bawah majikan di Tanah Melayu) mengumpulkan buruh di India. Mereka yang mendaftar diri akan menandatangani satu kontrak untuk berkhidmat di Tanah Melayu selama lima tahun. Pada tahun 1876, tempoh perkhidmatan dikurangkan kepada tiga tahun. Mereka diberi tambang percuma oleh majikan. Selepas lima tahun bekerja, mereka boleh meneruskan kontrak, pulang ke India, atau bekerja derngan majikan lain.

Kedua, melalui Sistem *Kangani* yang diperkenalkan pada tahun 1890-an. Seorang mandur atau *kangani* berbangsa India dari ladang di Tanah Melayu akan dihantar ke India bagi mendapatkan buruh-buruh dari kampungnya. Tambang dan perbelanjaan untuk buruh yang dibawa ke ladang *kangani* itu bekerja akan dibayar oleh *kangani* tersebut bagi pihak majikan. Biasanya, buruh-buruh itu merupakan saudara-mara, sahabat handai, serta orang sekampung *kangani* itu. Oleh itu, mereka dilayan dengan baik. Sistem ini diharamkan pada tahun 1938 kerana wujudnya penyelewengan oleh *kangani*.

Kebanyakan orang India di Malaysia berbahasa Tamil. Itulah bahasa orang dari Timur laut India. Dalam pada itu, ada juga yang berbahasa Malayalam dan Telegu. Bahasa-bahasa lain yang terdapat di kalangan orang-orang keturunan India ialah Marathi, Orya, Gujarati, Hindi, dan Urdu.

Komposisi Buruh India Yang Datang Ke Tanah Melayu Mengikut Bahasa 1844 – 1941

Jumlah Tiba	Tamil	Telegu	Malayalam	Lain-lain bahasa India Selatan	Lain-lain Bahasa India Utara
2,725,917	85.2 %	6.8 %	6.4 %	0.8 %	0.8 %

Kaum India di Malaysia adalah kumpulan etnik yang ketiga besar selepas kaum Melayu dan Cina. Mereka ini tinggal dengan padat di Semenanjung Malaysia. Mereka mewakili 8.3% (1,323,100) daripada jumlah penduduk Malaysia atau 10.1% daripada penduduk Semenanjung Malaysia pada tahun 1985 (Malaysia, 1985). Pada tahun 1996 jumlah penduduk kaum India meningkat kepada 1,511,709 orang atau lebih kurang 9.17% daripada seluruh penduduk Semenanjung Malaysia. Akan tetapi, jika dibandingkan dengan jumlah keseluruhan penduduk Malaysia, kaum India cuma mewakili 7.43% (Malaysia, 1997).

Jadual 4: Penduduk India di Semenanjung Malaysia 1985 dan 1996

Tahun	Jumlah di Semenanjung	Jumlah Keseluruhan
1985	(10.1 %)	1,323,100 (8.3 %)
1996	(9.17 %)	1,511,709 (7.43 %)

Sumber: Perangkaan Malaysia 1997

Istilah kaum India mewakili banyak kumpulan etnik daripada negara India. Majoriti kaum India yang datang ke Malaysia adalah penutur bahasa Tamil dari India Selatan yang mewakili 85% penduduk kaum India di Malaysia. Sebahagian kecil daripada mereka menuturkan bahasa Telugu dan bahasa Malayalam. Ada juga kaum Punjabi yang datang dari India Utara yang menuturkan bahasa mereka sendiri. Perbezaan dari segi kasta, agama, dan jenis pekerjaan mempamerkan kepelbagaian di kalangan mereka ini.

Dalam kepelbagaian perbeaan kumpulan kaum India itu sendiri, mereka menyesuaikan diri dengan satu sistem pendidikan yang seragam di negara ini. Kaum India memilih sistem pendidikan yang menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar.

Imigrasi yang digalakkan oleh Pemerintah Inggeris dari negeri Cina dan India berkaitan dengan keperluan tenaga buruh bagi mengerjakan lombong bijih dan ladang-ladang getah. Tindakan Inggeris inilah yang menukar struktur ekonomi, politik dan sosial di Malaysia. Kedatangan orang-orang Cina dan India secara beramai-ramai mengubah komposisi penduduk di Malaysia. Imigrasi yang digalakkan oleh Inggeris melahirkan satu struktur dan identiti masyarakat yang berasaskan kaum dan pekerjaan. Perubahan komposisi penduduk ini menyebabkan perubahan struktur sosioekonomi pada akhir abad ke-19. Kedudukan sosioekonomi, khususnya dari segi pekerjaan banyak berkembang dan kegiatan ekonomi dipelbagaikan.

Dasar pendidikan Inggeris lebih bersifat perkauman daripada bersifat kebangsaan. Inggeris tidak merancangkan sesuatu dasar pendidikan kebangsaan. Jika ada sesuatu dasar pendidikan kebangsaan, maka semangat kebangsaan pasti akan timbul dengan lebih cepat di kalangan rakyat. Semangat kebangsaan menimbulkan kesedaran terhadap cita-cita kemerdekaan. Seluruh rakyat bangkit menentang Inggeris. Seluruh rakyat bersatu dan bergerak membebaskan tanah air daripada belenggu penjajahan. Bagi mengekalkan kedudukan Inggeris sebagai penjajah, rakyat daripada pelbagai kaum lebih baik dibiarkan berasingan sebagai kaum-kaum yang berbeza.

Oleh sebab itu, sistem pendidikan mestilah dapat mengekalkan perbeaan kaum-kaum itu. Apabila rakyat berasing-asng menurut perbeaan kaum-kaum, maka mereka

tidak bersatu. Rakyat yang tidak bersatu lebih mudah dikuasai. Inilah yang dikatakan sebagai ‘dasar pecah-belah dan perintah’. Sistem pendidikan yang bersifat perkauman ini melahirkan empat jenis sekolah di Tanah Melayu, iaitu: sekolah Melayu, Sekolah Inggeris, sekolah Cina dan Sekolah Tamil.

1.2 Sistem Sekolah Rendah Bahasa Tamil

Seperti sekolah vernakular bahasa Melayu, pendidikan Tamil juga dimulakan sebagai satu cabang Penang Free School, pada tahun 1816 (Arasaratnam, 1979, 178). Kemudian, apabila bilangan ladang getah mula meningkat pada akhir abad ke-19, pentadbir ladang getah membuka sekolah Tamil dengan niat menarik minat buruh ladang tinggal lama atau lama bekerja. Bagi menarik lebih ramai buruh India datang ke Tanah Melayu, pentadbir British bercadang menubuahkan lebih banyak sekolah Tamil apabila keperluan bertambah. Hasilnya, pada tahun 1905 terdapat 13 buah sekolah Tamil kerajaan dan sekolah Tamil Mubaligh Kristian di negeri-negeri persekutuan Tanah Melayu. Pada tahun 1920 bilangan murid yang didaftarkan ialah lebih kurang 4,000 orang (Loh Fook Seng, 1975: 45).

Pada 1938 terdapat 13 buah sekolah Tamil kerajaan, 511 buah sekolah Tamil di ladang-ladang getah, dan 23 buah sekolah Tamil Mubaligh Kristian di negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Persekutuan Tanah Melayu dengan jumlah murid sebanyak 22,820 orang (Malaya 1968: 20 & 35).

Sebelum perang, polisi kerajaan penjajah terhadap sekolah vernakular Tamil adalah membenarkan kaum India sendiri menentukan perkembangan sekolah tersebut. Mulai tahun 1870, semua sekolah vernakular Tamil merupakan sekolah Tamil di ladang-ladang getah.

Sekolah-sekolah ini wujud di Province Wellesley, Melaka, Johor dan di negeri-negeri lain.

Akan tetapi pada tahun 1906, Sekolah Tamil Thambusamy Pillai ditubuhkan di Kuala Lumpur dengan tidak berlatarbelakangkan persekitaran ladang getah. Seterusnya sebuah sekolah Tamil lagi ditubuhkan di Kuala Lumpur yang diberi nama Sekolah Tamil Vivekananda pada tahun 1910.

Pada tahun 1998 terdapat 530 buah (7.44%) sekolah rendah Tamil di Malaysia daripada jumlah 7,214 buah sekolah rendah. Jumlah murid yang didaftar di sekolah rendah Tamil ialah 94,907 orang murid yang dikira 3.3% daripada jumlah murid semua sekolah rendah (Malaysia, 1998)

Jadual 5: Jumlah murid di Sekolah Rendah

Tahun	1957	1967	1972	1986	1998
SJK(T)	50,766	79,205	78,758	81,051	94,907
Semua Sekolah	933,151	1,315,590	1,492,780	2,232,575	2,872,427
% di SJK(T)	5.4 %	6.02 %	5.27 %	3.63 %	3.3 %

Sumber: Education Statistics of Malaysia, 1967, 1975, 1986 dan 1998

Sekolah rendah ini memberi peluang belajar kepada lebih kurang 60% kanak-kanak yang pergi ke sekolah di kalangan kaum India dari luar bandar dan sektor bandar yang miskin (Murad, 1972, Marimuthu, 1975). Seramai 6,092 orang guru berkhidmat dalam sektor ini (Malaysia, 1998). Kebanyakan sekolah rendah Tamil ini terletak di kawasan perladangan getah.

Jadual 6: Bilangan Sekolah Rendah Tamil Mengikut Negeri di Malaysia

Negeri	Bilangan SJK(T)
Perak	114
Selangor	98
Johor	70
Negeri Sembilan	61
Kedah	58
Pahang	36
Pulau Pinang	28
Melaka	21
Wilayah Persekutuan	16
Kelantan	1
Perlis	1

Sumber: Perangkaan Malaysia 1998

Negeri Perak mempunyai bilangan sekolah Tamil yang terbanyak (114 buah), diikuti oleh Selangor dan Johor (98 buah dan 70 buah). Bilangan sekolah Tamil di negeri-negeri lain seperti berikut: Negeri Sembilan (61 buah), Kedah (58 buah), Pahang (36 buah), Pulau Pinang (28 buah), Melaka (21 buah), Wilayah Persekutuan (16 buah), Kelantan dan Perlis setiap sebuah sekolah (Malaysia, 1998).

Undang-undang Buruh 1923 mewajibkan pihak pentadbir ladang getah menubuhkan sekolah di setiap ladang jika terdapat 10 orang atau lebih kanak-kanak yang berumur dalam lingkungan 6–12 tahun. Pelaksanaan undang-undang ini cuma meningkatkan bilangan sekolah rendah Tamil tetapi kualiti pendidikan dan keadaan fizikal sekolah di bawah paras lemah. Kurikulum sekolah amat lemah dan tidak berkesan. Pengajaran dan pembelajaran berorientasikan negara India. Kekurangan tenaga pengajar adalah halangan utama dalam sistem pendidikan Tamil pada masa itu. Ada laporan mengatakan bahawa pengajaran dijalankan oleh *Kangani* (mandur), penyelia pekerja atau seseorang yang mahir dalam penulisan dan bacaan dalam bahasa Tamil.

Dasar Polisi kerajaan Inggeris Inggeris adalah memberi pendidikan dalam bahasa ibunda. Apabila kerajaan mengumumkan dasar pendidikan pada tahun 1946, dicadangkan juga supaya diberi pendidikan percuma dalam bahasa Tamil. Oleh kerana penubuhan Malayan Union dibubarkan, keseluruhan idea ini diabaikan begitu sahaja. Pendidikan Tamil kekal seperti pada zaman sebelum perang. 80% sekolah Tamil masih kekal sebagai sekolah di kawasan perladangan getah.. Pada tahun 1949 terdapat 26 buah sekolah kebanyakannya di luar bandar dengan mendapat bantuan kerajaan. Pada tahun 1953, pendaftaran murid-murid di sekolah Tamil di seluruh Persekutuan Tanah Melayu berjumlah 42,043 orang. Cuma 4,813 orang murid daripada jumlah besar tersebut di sekolah bantuan kerajaan. Sekolah-sekolah di ladang mencatat rekod pendaftaran murid sebanyak 25,226 orang, manakala sebilangan yang terhad meneruskan pelajaran sehingga darjah 7.

Akan tetapi, dalam kebanyakan kes pelajaran tamat pada darjah 3. Hal ini demikian kerana, para ibu bapa berpendapat lebih menguntungkan mereka sekiranya anak-anak ini

dihantar bekerja di ladang getah daripada menghantar mereka ke sekolah. Anak perempuan diminta mangasuh bayi ketika ibu bapa bekerja. Ibu bapa yang mampu menghantar anak-anak mereka ke sekolah Inggeris sanggup berbuat demikian daripada belajar di sekolah ladang yang tidak memanfaatkan mereka pada akhirnya.

Kurikulum di sekolah Tamil selepas perang masih kekal berorientasikan negara India. Buku-buku teks masih diimport dari negara India. Sekolah Tamil masih menghadapi masalah tenaga pengajar dan kekurangan latihan perguruan. Sekolah-sekolah di ladang getah memainkan peranan bagi memenuhi keperluan anak buruh di ladang.

1.3 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan meninjau sejauh mana Dasar Bahasa Kebangsaan berperanan dalam menghilangkan dan mengekalkan bahasa minoriti terutamanya bahasa Tamil di negara kita.

Bagi meneliti perkara ini secara lebih komprehensif, pengkaji cuba menghalusi setiap cadangan yang dikemukakan dalam setiap laporan Dasar Bahasa Kebangsaan. bermula daripada Laporan Barnes (1950), Laporan Fenn-Wu (1951), Penyata Razak (1956), dan Penyata Rahman Talib (1960).

Setiap masalah dan halangan terhadap bahasa Tamil dalam sistem pendidikan diteliti secara terperinci. Sebarang bantahan atau sokongan terhadap cadangan-cadangan yang dibentangkan dianalisis secara bernas dan rasional.

Akhirnya, pengkaji merungkai beberapa masalah dari segi pelaksanaan semua cadangan yang diperakukan dengan mengemukakan cadangan-cadangan baru bagi memastikan bahasa Tamil terus kekal dalam sistem pendidikan kebangsaan negara kita.

1.4 Kepentingan Kajian

Bahasa Tamil merupakan bahasa ibunda majoriti kaum India di negara kita. Oleh itu, pendidikan bahasa Tamil dianggap penting bagi mengekalkan bahasa, kebudayaan dan agama kaum India. Pendidikan bahasa ibunda ini, dianggap satu ancaman kepada perpaduan kaum dan semangat nasionalisme masyarakat majmuk di Malaysia. Banyak kajian membuktikan atas penerapan ilmu harus dimulakan dengan bahasa ibunda. Oleh itu, sistem pendidikan di negara kita bermula dari zaman penjajah sehingga sekarang masih mengiktiraf bahasa Tamil dalam kebanyakan dasar pendidikan yang dikemukakan. Cuma, setakat mana penekanan diberi kepada pendidikan bahasa Tamil bagi mengekalkan dan memartabatkan bahasa tersebut dipersoalkan.

Justeru, cadangan-cadangan pengkaji dapat dimanfaatkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum bagi melihat setakat mana pelaksanaan kurikulum bahasa Tamil di sekolah-sekolah rendah dan menengah mencapai matlamatnya. Seterusnya langkah-langkah boleh dirancang bagi memperbaiki pencapaian tersebut. Pihak Bahagian Pendidikan Guru dan Maktab atau Institut Perguruan pula, boleh menggunakan dapatan kajian ini bagi merancang dan memperbaiki mutu kursus yang diberikan kepada guru-guru pelatih.

Kepada pihak sekolah dan guru-guru bahasa Tamil pula, kajian ini diharapkan dapat memberikan serba sedikit gambaran tentang mutu pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran bahasa Tamil. Hasil daripada kajian ini diharap dapat mendorong pihak pentadbir

sekolah dan guru-guru mata pelajaran bahasa Tamil mengenal pasti permasalahan yang berlaku dan berusaha bagi memperbaikinya. Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah pula diharap dapat menggunakan dapatan kajian ini bagi merangka dasar-dasar dan program-program bagi mengatasi masalah pelaksanaan pendidikan bahasa Tamil di sekolah-sekolah.

1.5 Batasan Kajian

Kajian terhad kepada batasan seperti berikut, iaitu:

1.5.1 Dasar Bahasa Kebangsaan

Mengkaji semua dasar pendidikan negara yang bermula daripada Laporan Barnes, Laporan Fenn-Wu, Penyata Razak, dan Penyata Rahman Talib. Pengkaji menghalusi setiap perakuan dan cadangan yang dikemukakan bagi mengiktiraf bahasa kaum India di negara kita.

1.5.2 Populasi Kajian

Pengkaji cuba menganalisis sumbangan tokoh pemimpin parti politik yang mewakili kaum India di negara ini iaitu Malaysian Indian Congres (MIC). Perjuangan dan sumbangan MIC untuk memartabatkan bahasa Tamil di kalangan masyarakat India dikaji secara komprehensif. Seterusnya peranan Pusat Pengajian India di Universiti Malaya dalam mengekalkan bahasa Tamil juga dikaji. Berikutnya, peranan maktab-maktab perguruan yang menawarkan kursus bahasa Tamil, guru-guru bahasa Tamil dan Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) yang memperjuangkan bahasa Tamil akan dibincangkan secara terperinci. Akhir sekali pengkaji membuat pemerhatian secara tidak

langsung terhadap tiga kumpulan keluarga bagi melihat setakat mana anggota keluarga ini mempertahankan bahasa dan kebudayaan mereka.

1.5.3 Tumpuan Kajian

Tumpuan kajian adalah terhadap mata pelajaran bahasa Tamil yang difokuskan kepada meninjau keadaan dan sumbangan pihak-pihak tertentu dalam mengekalkan bahasa Tamil di negara ini. Maklumat dikumpul berdasarkan pemerhatian, kajian buku-buku dan hasil temu bual pengkaji dengan pihak-pihak yang berkaitan.

1.5.4 Alat Kajian

Kajian ini bersifat deskriptif yang dijalankan dengan kaedah tinjauan dan pemerhatian. Alat yang digunakan ialah temu bual yang merupakan satu cara yang berkesan bagi mendapatkan maklumat daripada responden. Pengkaji tidak menggunakan kaedah soal-selidik.